

## JAKMAS Kolej Kediaman E Jayakan Minggu Seerat Salam

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 10:54 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1383

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 19 SEPTEMBER** – Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman E sekali lagi berjaya menganjurkan Program Seerat Salam Sesi 2017/2018 selama seminggu bertempat di kolej kediaman berkenaan.

Program tahunan kolej kediaman itu yang berlangsung sehingga Ahad bertujuan memperkenalkan Kolej Kediaman E serta pihak pengurusan kepada siswa siswi baharu yang telah mendaftarkan diri di kolej tersebut.

Antara pengisian sepanjang Minggu Seerat Salam

termasuklah Malam Pengenalan dan Taklimat Peraturan Kolej, Taklimat Kesihatan dan Malam Bersama Pemimpin, Malam Pengenalan Kelab, Ceramah Perdana dan Moral, Latihan dalam Kumpulan, Megarewang, Gotong-royong dan Malam Seribu Bintang yang merupakan malam penutupan bagi program ini.

Pada Malam Seribu Bintang, lebih 2,000 pelajar telah membanjiri Anjung Perdana Kolej Kediaman E bagi bersama-sama memeriahkan majlis penutupan yang turut dihadiri Pengetua Kolej, Dr. Syahrudin Hj. Awang Ahmad, dan Timbalan Pengetua Mohd Hilmey Sali.

Dalam ucapannya, Dr. Syahrudin turut menyuarakan harapan agar siswa siswi baharu dapat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pelajar dengan baik, seterusnya memperkuat dan menggandakan usaha untuk mencapai cita-cita yang diimpikan selama ini.

Sumber: Kolej Kediaman E